

KEINDAHAN

Bulan purnama di pagar bintang
Bumi berpayungkan langit biru
Tidak berkelip mata memandang
Tak mahu lupa rasa terharu

Tiupan angin mendayu-dayu
Pergi datang awan bergerak
Makin dipandang makin sayu
Hati gundah hendak bergerak

Fajar menyinsing di waktu subuh
Air laut berpendar-pendar
Aku menyahut seruan tabuh
Aku insaf aku sedar

Matahari menjelma laksana dalam
Kabut pagi mula cerah
Dunia ini tempat bermalam
Kepada Engkau lahir aku berserah

Kemuncak gunung menyapu awan
Tumbuhan-tumbuhan yang hijau merimbun
Kepada Engkau lahir aku tertawan
Tidak hilang walau di sabun

Oh.....Tuhan,
Segala ciptaanMu menjadi gambaran
Bahawa Engkau yang Maha Indah
CiptaanMu bukannya mudah
Aku insaf, aku yakin Engkau ada
Tetap tidak bergoncang iman di dada

- Samir, Singapura.